

27 MAY 2000

Mahathir-Daim/I

MAHATHIR SANGKAL LAPORAN PERSELISIHAN FAHAM DENGAN DAIM

KUALA LUPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal laporan kononnya berlaku perselisihan faham antara beliau dengan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

"Mereka telah bercakap mengenainya sejak sekian lama. Saya mengaku kami tidak selalunya bersetuju di antara satu sama lain tetapi akhirnya kami mencapai persetujuan yang telah membawa kejayaan bagi negara ini.

"Tentulah beliau tidak bersetuju dengan semua perkara yang saya mahu lakukan dan saya tidak dapat bersetuju dengan semua perkara yang beliau hendak buat tetapi akhirnya kami mencapai persetujuan," kata Dr Mahathir semasa ditanya mengenai satu artikel yang disiarkan Asian Wall Street Journal semalam.

Beliau bercakap pada persidangan berita selepas merasmikan perhimpunan agung MIC ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mengenai laporan kononnya berlaku perselisihan faham di antara mereka mengenai pelantikan Gabenor Bank Negara, Dr Mahathir berkata terdapat beberapa calon bagi jawatan itu termasuk mereka yang dicadangkan oleh Daim sendiri.

"Tetapi saya mengadakan perbincangan secara berterus terang dengannya untuk memilih siapa yang menjadi calon paling sesuai dan beliau bersetuju," katanya.

Artikel muka depan AWSJ, antara lain, melaporkan bahawa perubahan dasar melibatkan cadangan menyingkirkan eksekutif kanan paling berpengalaman daripada lembaga-lembaga agensi negeri, termasuk syarikat awam yang dikuasai kerajaan negeri dan usahasama dengan pelabur tempatan dan asing, dikatakan memburukkan lagi perselisihan di antara perdana menteri dan Daim.

Laporan itu juga memberikan contoh tanda-tanda lain yang menimbulkan perselisihan faham di antara mereka berdua termasuk mengenai perkara berkaitan penggabungan institusi kewangan, penglibatan sebuah syarikat Singapura dalam industri telekomunikasi Malaysia dan pelantikan penasihat kewangan di pejabat perdana menteri.

Semasa ditanya kenapa keadaan pasaran tidak menentu sekarang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham dengan pasaran...saya tidak berpura-pura faham mengenainya dan saya tidak akan belajar memahaminya."

Ditanya mengenai spekulasi bahawa akan berlaku perubahan pada penyandang jawatan di dalam Umno termasuk jawatan bendahari parti, Perdana Menteri berkata: "Itu sesuatu yang baru. Saya tidak tahu menahu mengenainya. Akhbar selalunya lebih tahu daripada saya."

Daim kini ialah bendahari Umno.

-- BERNAMA

MAM RON